

# Bina makmal secara pasang siap disambut baik

UM 2 JAN 2002

KUALA LUMPUR 1 Jan. — Pelbagai pihak menganggap pendekatan kaedah pasang siap menangani masalah kelewatan pembinaan makmal komputer dapat menjimatkan masa serta mempermudah urusan keseluruhan projek itu.

Bagaimanapun, tegas mereka, pihak di peringkat pemantau pelaksanaan perlu lebih komited termasuk kerap turun padang menjalankan pemantauan bagi memastikan projek itu berjalan lancar dan mencapai matlamat seperti yang dirancangan.

Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Datuk Roslan Awang Chik berkata, pendekatan tersebut merupakan langkah baik bagi memastikan projek yang telah tertangguh dapat disiapkan secepat mungkin.

"Ini pendekatan baik dan kita berpendapat ia memang wajar untuk dilaksanakan. Bagaimanapun, kita juga berpendapat pemantauan perlu dilakukan secara berterusan supaya masalah yang sama tidak akan berulang," katanya ketika dihubungi Utusan, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam bahawa kerajaan akan menggunakan pendekatan terbaru bagi me-

nangani masalah kelewatan pembinaan makmal komputer dengan memperkenalkan bangunan pasang siap.

Menurut Dr. Mahathir, menerusi pendekatan itu kontraktor akan dikehendaki menyediakan semua bahan binaan untuk menyiapkan antara 200 hingga 300 bilik makmal komputer.

Kontraktor kecil kelas F akan dianugerahkan dua atau tiga projek bagi memasang komponen dan peralatan makmal tersebut di bawah penyeliaan kontraktor utama berkenaan.

Isu kelewatan menamatkan hampir 85 peratus projek makmal komputer didedahkan oleh Mingguan Malaysia Ahad lalu walaupun Kementerian Pendidikan telah melanjutkan tempoh buat kali ketiga bagi empat kontraktor utama, menyiapkannya sehingga akhir bulan ini.

Sehingga 15 Disember lalu, darindada 1,840 projek makmal komputer di empat zon Semenanjung, 195 daripadanya belum dibina terutama di zon timur walaupun tempoh menyiapkan semua makmal itu telah tamat.

Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda UMHO, Dr. Adham Baba berkata, langkah tersebut merupakan cara yang berkesan dalam keadaan ketika ini.

Beliau berharap pemilihan kontraktor utama dapat dilakukan dengan teliti supaya boleh melaksanakan tugas Dentering ini.

"Kita tidak mahu lagi wujud masalah kekeliruan antara kontraktor utama dengan sub-kontraktor sehingga menyebabkan tanggungjawab yang diberikan terabai," katanya.

Katanya, tugas itu memerlukan kontraktor yang benar-benar berwibawa dan berpengalaman kerana pelaksanaannya dijangka menghadapi kesukaran berdasarkan musim persekolahan telah bermula dan kejadian bencana alam seperti banjir di beberapa kawasan di negara ini.

Mengenai tindakan kerajaan terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan projek pembinaan makmal komputer itu, beliau berkata, ia menunjukkan ketegasan kerajaan menangani masalah ini.

Dalam pada itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Pendidikan Kebangsaan (NUTP), Tengku Habsah Tengku Petra berharap dengan pengumuman pendekatan terbaru itu dapat menyelesaikan masalah kelewatan pembinaan makmal komputer sekolah.

"Kita tidak mahu ia terus berlarutan kerana ia akan menjejaskan perancangan pembelajaran," katanya.